

30 OCT 2003

MAHATHIR-KAUM

HUBUNGAN KAUM MASA KINI JAUH LEBIH BAIK BERBANDING DULU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hubungan antara kaum yang sedia wujud pada masa ini adalah jauh lebih baik daripada mana-mana era dalam sejarah Malaysia.

"Walaupun kita belum capai sasaran yang ditetapkan, tetapi hakikatnya pemisahan ekonomi antara kaum sudah berkurangan," kata Perdana Menteri ketika membentangkan usul mengenai kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) di Dewan Rakyat hari ini.

Daripada hanya memiliki 2.4 peratus kekayaan negara pada tahun 1970, kaum Bumiputera sekarang memiliki 18.7 peratus daripada kekayaan yang lebih tinggi di negara sekarang daripada RM126 juta pada 1970 kepada RM73,162 juta pada 2002 iaitu kenaikan sebanyak 471 kali ganda.

Menyingkap sejarah, Perdana Menteri berkata kerajaan berjaya membendung rusuhan kaum yang berlaku pada 1969 dan banyak pengajaran yang diperolehi daripada tragedi itu.

"Kerajaan campuran yang disokong oleh semua kaum telah mencipta Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk mengagihkan kekayaan negara secara saksama antara kaum."

"Semasa agihan kekayaan ini dibuat, ekonomi telah tumbuh dengan pesat. Jika tidak kerana serangan oleh penyangak matawang, pertumbuhan purata lebih daripada 7.0 peratus dapat dicapai setiap tahun," kata Dr Mahathir.

Menurutnya, walaupun sasaran itu tidak dapat dicapai namun kerajaan masih dapat memulihkan ekonomi negara dengan lebih cepat berbanding negara-negara lain.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata bagi tahun 2003 kerajaan percaya dapat menaikkan ekonomi sebanyak 4.5 peratus.

"Di masa yang sama kedudukan kewangan kita adalah kukuh. Hutang luar negara adalah sebanyak 48.2 peratus daripada KDNK, rendah daripada paras yang dianggap selamat.

"Rizab luar negara juga tinggi iaitu RM159.4 bilion atau AS\$41.9 bilion pada 15 Okt 2003. Dagangan kita menunjukkan lebih eksport daripada import berturut-turut selama 70 bulan," tegas Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, Malaysia merupakan negara dagangan yang ke-18 terbesar di dunia dengan jumlah dagangan dua kali lebih besar daripada KDNK.

Sebagai sebuah negara dagangan, kata beliau, Malaysia perlu menentukan bahawa barangannya berdaya saing di pasaran antarabangsa walaupun ia rumit untuk ditangani memandangkan upah pekerja di negara ini lebih tinggi daripada di negara jiran.

Perdana Menteri berkata, pendapatan pekerja boleh dinaikkan dengan meningkatkan produktiviti melalui peningkatan kecekapan dan ilmu pengetahuan dengan melabur dalam sistem dan alatan yang lebih canggih.

Dr Mahathir juga berkata, bahawa kerajaan akan terus mengawal kos sara hidup melalui kawalan harga agar rakyat dapat menikmati kehidupan yang baik tetapi barangan eksport negara terus kompetitif.

"Tidak ada gunanya menaikkan pendapatan tetapi kos barangan dan khidmat dalam negeri meningkat dan menelan semua tambahan pendapatan yang kita dapati.

"Dengan perkataan lain, kenaikan pendapatan yang disusuli dengan inflasi tidak mempunyai apa-apa faedah. Lagipun mereka yang menabung akan rugi dan ekonomi negara tetap merosot. Sebab itu pendekatan kita dalam menangani ekonomi dan kewangan negara akan dikekalkan," tambah beliau. --

BERNAMA

MKO AHM